

28 OCT 2003

RAFIDAH-PELABUR/I

PROGRAM MENGEMASKINI PERNIAGAAN MALAYSIA DITERUSKAN

Oleh: Leslean Arshad

KLANG, 28 Okt (Bernama) -- Malaysia akan terus mengkaji semula dan mengemaskan dasarnya untuk menjadikan negara ini sebuah destinasi pelaburan dan perniagaan terpilih apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih sebagai Perdana Menteri bulan depan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, kerajaan komited untuk mengekalkan dan menyediakan persekitaran mesra perniagaan dan terpilih.

Katanya, kerajaan akan melakukan apa sahaja yang perlu untuk mewujudkan pangkalan pembuatan dan eksport yang mampu bersaing dan sebuah hub keutamaan serantau yang menyediakan pelbagai perkhidmatan dan aktiviti.

"Berdasarkan rekod trek kita yang menyediakan yang terbaik, ahli perniagaan tempatan dan asing sepatutnya merasa selesa untuk melabur bagi mengambil kesempatan banyak kemudahan baru yang ditawarkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Ohtsuki Seiko (M) Sdn Bhd di Bandar Puncak Alam dekat sini hari ini.

Rafidah berkata, seruan supaya memboikot negara ini tidak akan memberi kesan, ketika ditanya sama ada seruan itu oleh sebuah kumpulan lobi Yahudi berpangkalan di AS mempunyai kesan Malaysia.

"Tidak, tiada kesan sama sekali," katanya.

Ketika berucap di sidang kemuncak OIC, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengkritik orang Islam dan Yahudi menyebabkan apa yang berlaku di dunia hari ini tetapi kata-katanya telah disalah faham sebagai anti-Yahudi, yang menerima respons yang teruk daripada pihak-pihak tertentu.

Pusat Simon Wisenthal yang berpengaruh itu menyeru pelabur dan pelancong mengelakkan Malaysia sehingga jelas bahawa pemimpin yang menggantikannya tidak berpendirian sepertinya.

Rafidah berkata, ahli perniagaan berfikir berbeza dan mereka akan melakukan penyiasatan menyeluruh mengenai sesuatu negara sebelum membuat perniagaan.

"Saya yakin orang yang melakukan perniagaan yang tulen akan melihat perkara lain. Mereka tidak menilai keputusan perniagaan berdasar berita yang dilaporkan. Jika mereka melakukan sedemikian, mereka bukan pelabur bijak," katanya.

Katanya, para pelabur semestinya mahu mengetahui lebih banyak mengenai persekitaran perniagaan jika mereka mahu melabur.

Seperti yang mereka kata, melihat meyakinkan dan pelabur dialu-alukan melakukan perniagaan di sini, kata Rafidah dan menambah, "Kami tidak menyokong sebarang langkah, strategi yang memisahkan dunia atau sebarang strategi yang menekan masyarakat tertentu." -- BERNAMA

LES KTC AHM